

UMS bina Pusat Inovasi rancakkan aktiviti R&D

UB 24/2/2011/13

Oleh **NIK JASNI CHE JAAFAR**
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak lagi dalam bidang penyelidikan dan inovasi apabila bakal menubuhkan Pusat Inovasi di universiti itu tidak lama lagi.

Naib Canselornya, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata, penubuhan pusat berkenaan bakal merancakkan lagi aktiviti penyelidikan di universiti terbabit.

Beliau berkata, langkah itu juga bagi membolehkan jalinan kerjasama dengan industri dilaksanakan dengan lebih giat sekali gus memudahkan urusan pengkomersilan produk

penyelidikan mereka.

"Melalui pusat ini, UMS akan dapat menangani masalah produk penyelidikan yang tidak dapat dikomersilkan dan pada masa yang sama, dapat mempergiat aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti ini.

"Kita akan menubuhkannya secepat mungkin dan akan menggunakan geran dalaman untuk membangunkannya," katanya dalam sidang media, di sini, Jumaat.

Beliau menambah, pusat itu nanti hanya memerlukan ruang kecil memandangkan ia berasaskan kepada jaringan kerjasama secara atas talian bagi memaklumkan hasil penyelidikan mereka kepada industri.

Tambah beliau, ketika



KAMARUZAMAN

ini produk penyelidikan masih tidak begitu diterjemah kepada bentuk yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dan ini memerlukan kerjasama daripada pihak industri, terutamanya swasta supaya hasil penyelidikan itu dapat dikomersilkan.

"Jika kita lihat, di IPMB (Institut Penyelidikan

Marin Borneo) misalnya, kita ada kepakaran dalam penyelidikan penghasilan benih ikan tetapi kita berhadapan cabaran untuk mengkomersilkannya seperti kemudahan untuk memperbanyak jumlah anak ikan.

"Apa yang dilaksanakan IPMB ketika ini masih di tahap kecil-kecilan kerana kekurangan kemudahan infrastruktur...kemudahan yang ada ketika ini hanya sesuai digunakan untuk tujuan penyelidikan dan bukannya untuk penghasilan secara besar-besaran," kata Kamaruzaman yang menambah, mereka juga berhadapan kekangan dari aspek tenaga kerja.

Tambah beliau, untuk meningkatkan penghasilan

benih ikan ini, UMS memerlukan sumber dan input daripada pihak swasta.

Ini juga, katanya, akan membolehkan mereka menghasilkan benih ikan yang boleh dikomersil untuk memenuhi keperluan ikan negara.

Sementara itu, beliau berkata sumber utama geran UMS ketika ini adalah daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan sumber luar seperti industri dan badan antarabangsa.

"Kami sentiasa berusaha untuk mendapatkan lebih banyak dana bagi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI), terutamanya melibatkan bidang penyelidikan," kata Kamaruzaman.